



SURAT PEKELILING CIDB-BIL.6 /2023

PEKELILING PENSTRUKTURAN DAN PENETAPAN SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan dalam Industri Pembinaan mengenai penstrukturan semula syarat pendaftaran kontraktor fasiliti.

2.0 OBJEKTIF

Memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan berdaftar sebagai Kontraktor Pengurusan Fasiliti.

3.0 PENSTRUKTURAN SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR FASILITI

Syarat pendaftaran Kontraktor Fasiliti yang telah distrukturkan dan dikemaskini adalah seperti di lampiran A

4.0 PELAKSANAAN DAN KESAN

4.1 Mana-mana kontraktor yang ingin berdaftar sebagai Kontraktor Fasiliti perlulah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

4.1.1 Kontraktor Baharu/ kontraktor sediaada yang tidak memiliki kod pengkhususan Fasiliti (F)

- i. Salah seorang pengarah syarikat perlu memiliki SKP Fasiliti
- ii. Setiap personal teknikal perlu memiliki SKKP Fasiliti.

4.1.2 Kontraktor sediaada yang memiliki kod pengkhususan Fasiliti (F)

4.1.2.1 Bagi mengekalkan Kod pengkhususan Fasiliti (F) di dalam permohonan pembaharuan **PPK kali pertama** selepas memperolehi kod tersebut, kontraktor perlu memenuhi syarat seperti berikut:

- i. Salah seorang pengarah syarikat perlu memiliki SKP Fasiliti.
- ii. Setiap personal teknikal perlu memiliki SKKP Fasiliti.

*Sekiranya tidak memenuhi syarat 4.1.2.1 (i dan ii) kod pengkhususan Fasiliti (F) akan digugurkan daripada pendaftaran syarikat.

4.1.2.2 Bagi mengekalkan Kod pengkhususan Fasiliti (F) di dalam permohonan pembaharuan **PPK seterusnya**, kontraktor perlu memenuhi syarat seperti berikut:

- i. Setiap personal teknikal perlu memiliki SKKP Fasiliti.

*Sekiranya tidak memenuhi syarat 4.1.2.2 (i) kod pengkhususan Fasiliti (F) akan digugurkan daripada pendaftaran syarikat.

4.2 Bagi perkara 4.1 kontraktor juga perlu memenuhi syarat dan kelayakan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Keperluan Prosedur Pendaftaran Kontraktor seperti berikut:

- i. Bebas daripada tindakan tatatertib.
- ii. Memenuhi syarat keperluan pendaftaran kontraktor Fasiliti
- iii. Personal teknikal tidak boleh wujud di dalam mana-mana syarikat lain.

- 4.3 Pengenaan syarat keperluan SKKP bagi memenuhi syarat pendaftaran permohonan baharu, pembaharuan dan kemaskini pendaftaran kontraktor fasiliti di bawah pengkhususan F akan bermula pada 1 Jun 2024.
- 4.4 Selaras dengan penstrukturan syarat pendaftaran kontraktor fasiliti ini, bukti kerja atau resume personal teknikal dan bukti kerja sebelum ini tidak lagi digunakan bagi tujuan permohonan baru pendaftaran dan pembaharuan.
- 4.5 Pendaftaran Kontraktor Fasiliti ini boleh dilakukan melalui atas talian di **cims.cidb.gov.my** dan kontraktor akan dikenakan fi proses serta fi pendaftaran bagi setiap permohonan yang dikemukakan.

5.0 TARIKH MULA


Pengenaan syarat Pendaftaran Kontraktor Fasiliti ini akan bermula pada 01 Jun 2024.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung surat pekeliling ini boleh dirujuk kepada Bahagian Pendaftaran Kontraktor Sektor Kontraktor dan Levi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
No Tel : 03-55673300

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”


DATUK IR. AHMAD 'ASRI ABDUL HAMID

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

29 Ogos 2023

LAMPIRAN A

Gred	Permohonan Pendaftaran Baharu / Tambah Kategori F01	Permohonan Pembaharuan Seterusnya	Permohonan Tambah F02	
	Pengarah Syarikat	Personel Teknikal Untuk Pengkhususan Fasiliti (F)		
G4	SKP Fasiliti	1 orang pemegang Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	1 orang pemegang Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	Memiliki pengkhususan F01 + SKKP Fasiliti Kesihatan
G5	SKP Fasiliti	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) Atau 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) Atau 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	Memiliki pengkhususan F01 + SKKP Fasiliti Kesihatan
G6	SKP Fasiliti	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME)	Memiliki pengkhususan F01 + Salah seorang memiliki SKKP Fasiliti Kesihatan
G7	SKP Fasiliti	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME) Atau 2 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM)	1 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM) & 1 orang dengan Diploma berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FME) Atau 2 orang dengan Ijazah berkaitan bidang pembinaan + SKKP Fasiliti (FMM)	Memiliki pengkhususan F01 + Salah seorang memiliki SKKP Fasiliti Kesihatan

Nota :

SKP : Sijil Kecekapan Pengurusan

SKKP : Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan

FME : Eksekutif Pengurusan Fasiliti

FMM : Pengurus Pengurusan Fasiliti